

Fong Wei lanjut bidang Sarjana

Serdang: Tidak mahu mensia-siakan masa terluang, pemenang pingat emas wushu Sukan Universiti ASEAN 2012 di Vientiane, Chai Fong Wei (**bawah**) tidak menggunakan alasan kesibukan sebagai atlet untuk meningkatkan pencapaian akademiknya.

Biarpun bergelar graduan Bacelor Pentadbiran Perniagaan di Universiti Putra Malaysia (UPM) semalam, atlet berumur 26 tahun itu sudah pun menyambung pengajian di peringkat Sarjana dalam bidang yang sama.

“Jadual saya setiap hari memang sibuk dengan sesi latihan di sebelah pagi dan petang di Bukit Jalil selain pengajian sepenuh masa.

“Tetapi saya seronok melakukannya dan mahu membuktikan atlet juga mampu berjaya. Saya berazam ingin berjaya dalam bidang perniagaan satu hari nanti,” katanya selepas menerima Bacelor Pentadbiran Perniagaan pada Majlis Konvokesyen UPM ke-38 di kampus induk universiti itu, di sini, semalam.

Fokus Kejohanan Dunia

Fong Wei Atlet yang berasal dari Batu Berendam, Melaka berkata, dia kini sibuk dalam persiapan menghadapi Kejohanan Dunia pada Oktober tahun depan di Indonesia bagi memperbaiki pencapaiannya tahun lalu yang sekadar meraih pingat gangsa.

Pada majlis konvokesyen yang sama semalam menyaksikan atlet ini merakamkan kegembiraan bersama kakaknya, Chai Fong Ying yang juga pemenang emas Sukan Asia 2010 Guangzhou, apabila menerima Bacelor dalam bidang perakauan.

“Biarpun sudah bersara (tahun lalu), saya masih membantu Persekutuan Wushu Malaysia tetapi secara sambilan saja kerana saya kini sudah bekerja di sebuah syarikat swasta,” katanya yang bakal menamatkan zaman bujang dengan bekas atlet wushu negara, Ang Eng Chong pada 15 November ini. - **Oleh Jumiati Rosly**

